

Pemuda MCA bincang usul Timbalan PM ke-2

KUALA LUMPUR,
Selasa — Konvensyen
Pemuda MCA Jumaat
ini, akan mem-
bahaskan usul memin-
ta Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad
melantik seorang
tokoh MCA menjadi
Timbalan Perdana
Menteri Kedua.

Setiausaha Agung
Pemuda MCA
Malaysia, Encik Chew
Hock Thye berkata
hari ini, usul tersebut
merupakan salah satu
dari 20 usul yang
diterima untuk per-
bahasan dalam kon-
vensyen itu.

Pemuda MCA Malaysia,
katanya berpendapat
perlantikan Timbalan
Perdana Menteri
Kedua dari MCA akan
dapat mencerminkan
keharmonian hidup
masyarakat berbilang
kaum di negara ini.

Sumbangan

"Tambahan pula pen-
tadbiran Mahathir
sekarang ini sering
memberi tumpuan
terhadap kelicinan
pelaksanaan berbagai
projek pembangunan
demi menjaga kepent-
ingan rakyat berbilang
keturunan di
Malaysia.

"Kami dalam Pemuda
MCA percaya per-
lantikan seorang Tim-
balan Perdana Menteri
Kedua dari MCA akan
dapat memberi sum-
bangan besar ke arah
melahirkan sistem
pentadbiran lebih
berkesan bagi faedah
rakyat jelata,"
tegasnya.

Beliau berkata demikian
kepada pemberita
selepas perasmian
pameran buku sem-
pena Minggu MCA oleh
Menteri Perumahan
dan Kerajaan Tem-
patan yang juga Naib
Presiden MCA, Datuk
Dr. Neo Yee Pan di
Wisma MCA di sini.

Encik Chew selanjutnya
berkata, pelantikan
tersebut juga secara
langsung dapat
melambangkan sus-
unan masyarakat ma-
jmur yang wujud di
negara ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia